A

PP

lwn.

ABDUL HALIM ISHAK & SATU LAGI

B

MAHKAMAH RAYUAN, PUTRAJAYA
AZAHAR MOHAMED HMR
LINTON ALBERT HMR
MOHD ZAWAWI SALLEH HMR
[RAYUAN JENAYAH NO: A-05(S)-270-11-2012]

C

30 OGOS 2013

PROSEDUR JENAYAH: *Hukuman - Milikan dadah - Faktor-faktor pemberatan dan peringanan - Sama ada diberi pertimbangan saksama - Hasrat Kerajaan dan Parlimen - Sama ada kesan pencegahan dan*

D

kepentingan awam diberi kepentingan - Polisi hukuman berat - Sama ada diberi penekanan - Sama ada hukuman setimpal dengan keseriusan kesalahan - Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 6

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan - Rayuan terhadap hukuman - Kesalahan di bawah s. 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 - Sama ada*

E

hukuman setimpal dengan keseriusan kesalahan - Sama ada hukuman mencerminkan hasrat Parlimen - Sama ada pindaan kepada s. 39A(2) melalui Akta Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007 dipertimbangkan sewajarnya

F

Kedua-dua responden dalam rayuan ini dituduh mengedar dadah berbahaya kanabis seberat 11,120 gram, satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) ADB. Selepas saksi pendakwaan memberi keterangan, pihak pendakwaan telah menawarkan satu

G

pertuduhan pilihan di bawah s. 6 ADB yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2) ADB kepada kedua-dua responden dan mereka telah mengaku bersalah tanpa apa-apa syarat. Oleh itu, Mahkamah Tinggi telah menjatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dari tarikh tangkap dan sepuluh kali sebatan terhadap responden pertama dan

H

hukuman penjara enam tahun dari tarikh tangkap dan sepuluh kali sebatan terhadap responden kedua. Pihak pendakwaan merayu terhadap hukuman tersebut atas alasan bahawa yang arif Hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila beliau gagal mengambil kira bahawa hukuman seumur hidup

I

yang dinyatakan dalam s. 39A(2) ADB telah dipinda melalui Akta

Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007 ('Akta A1302') yang mula berkuatkuasa pada 7 September 2007, iaitu dari 20 tahun kepada 30 tahun. Oleh itu, dihujahkan bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi tidak mencerminkan hasrat Parlimen untuk mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap kesalahan memiliki dadah berbahaya yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2) ADB.

Diputuskan (membenarkan rayuan)
Oleh Mohd Zawawi Salleh HMR menyampaikan penghakiman mahkamah:

(1) Sesuatu hukuman yang dijatuhkan hendaklah setimpal dengan keseriusan kesalahan yang dilakukan dan tahap kebertanggungjawaban pesalah atau pesalah-pesalah. Berikutan itu, mahkamah hendaklah memberi pertimbangan yang saksama kepada faktor-faktor pemberatan dan faktor-faktor peringanan. (perenggan 13 & 14)

(2) Melihat dengan teliti keputusan mahkamah-mahkamah berhubung dengan hukuman yang dijatuhkan terhadap pesalah-pesalah yang berkaitan dengan dadah berbahaya, aliran sama yang ketara dalam kes-kes tersebut adalah bahawa hukuman yang membawa kesan pencegahan perlu dijatuhkan dan kepentingan awam perlu diutamakan. Ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan dan Parlimen yang telah mengambil pelbagai langkah serius untuk mencegah dan mengawal ancaman pengedaran dan penggunaan dadah serta jenayah-jenayah yang berkaitan dengannya. Oleh itu, mahkamah perlu memainkan peranannya dengan menjatuhkan hukuman yang berat dan mencegah seperti yang ditetapkan oleh Akta. (*Adam Atan v. PP*, dirujuk; *Loh Hock Seng & Anor v. PP*, dirujuk; *PP v. Loo Choon Fatt*, dirujuk). (perenggan 17 & 18)

(3) Hukuman berat juga perlu dijatuhkan terhadap pesalah-pesalah dadah bagi menekankan elemen kutukan atau kecaman, untuk menunjukkan bahawa hukuman berat yang dijatuhkan mencerminkan "a symbolic, collective statement that the offender's conduct should be punished for encroaching on our society's basic code of values as enshrined within our substantive criminal law" (*Ryan v. The Queen*). (perenggan 19 & 20)

(4) Hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf apabila tidak mengambil kira dan memberi perhatian secukupnya kepada fakta bahawa hukuman seumur hidup yang disebut dalam s. 39A(2) ADB telah dipinda melalui Akta A1302. Justeru, hukuman terhadap responden-responden adalah tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan oleh mereka dan tidak mencerminkan polisi hukuman yang lebih berat seperti yang dihasratkan oleh Parlimen melalui pindaan yang dibuat melalui Akta A1302. (perenggan 22)

(5) Terdapat faktor-faktor pemberatan yang mewajarkan hukuman yang lebih berat dikenakan terhadap kedua-dua responden, antaranya, (i) kuantiti atau berat dadah dan (ii) fakta bahawa tiada keterangan yang menunjukkan bahawa dadah berbahaya tersebut sebenarnya untuk kegunaan peribadi responden-responden. (perenggan 23)

(6) Perbandingan hukuman yang dikenakan berdasarkan berat dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan menunjukkan bahawa walaupun hukuman yang dijatuhkan adalah sebelum pindaan, namun tiada hukuman yang kurang daripada sepuluh tahun dijatuhkan bagi berat kanabis yang melebihi 1,000 gram. Malahan, mitigasi kedua-dua responden pada keseluruhannya tertumpu kepada kepentingan peribadi mereka semata-mata. Oleh itu, hukuman yang dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi terhadap kedua-dua responden adalah tidak setimpal dengan kesalahan mereka. (perenggan 24, 25, 26 & 28)

[Mengenepikan hukuman Mahkamah Tinggi dan menggantikannya dengan hukuman penjara 14 tahun dari tarikh tangkap dan sepuluh kali sebatan terhadap responden pertama dan hukuman penjara 13 tahun dari tarikh tangkap dan sepuluh kali sebatan terhadap responden kedua].

***English** Translation Of Headnotes*

The respondents in this appeal were charged for trafficking in dangerous drugs, to wit, cannabis weighing 11,120 grams, an offence under s. 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') and punishable under s. 39B(2) of the DDA. After the prosecution witnesses testified, the prosecution offered an alternative charge under s. 6 of the DDA, punishable under s. 39A(2) of the DDA to both the respondents and they pleaded guilty unconditionally. Thus, the High Court imposed the sentence

of seven years' imprisonment from the date of arrest and ten strokes against the first respondent and the sentence of six years' imprisonment from the date of arrest and ten strokes against the second respondent. The prosecution appealed against the sentences on the ground that the learned High Court Judge had erred in law and in fact in failing to consider that the life sentence provided under s. 39A(2) of the DDA had been amended by the Criminal Justice (Amendment) Act 2007 ('Act A1302') which was effective from 7 September 2007, *ie*, from 20 years to 30 years. Therefore, it was submitted that the sentence imposed by the High Court did not reflect the intention of Parliament to impose a heavier sentence for the offence of possession of dangerous drugs which is punishable under s. 39A(2) of the DDA.

Held (allowing appeal)
Per Mohd Zawawi Salleh JCA delivering the judgment of the court:

(1) A sentence imposed must be proportionate with the seriousness of the offence committed and the degree of responsibility of the offender or offenders. Thereafter, the court must give impartial consideration to the aggravating and mitigating factors.

(2) Evaluating carefully the decisions of the courts with regards to the sentences imposed against the dangerous drugs offenders, the common thread which was obvious in the cases were that the sentences which has the effect of deterrence must be imposed and the public interest must be given priority. This was in line with the intention of the Government and the Parliament which had taken multiple serious steps to deter and control the threat of trafficking and usage of drugs as well as the crimes related to it. Therefore, the court must play its role by imposing a more severe and deterrent sentence as provided in the Act. (*Adam Atan v. PP*, refd; *Loh Hock Seng & Anor v. PP*, refd; *PP v. Loo Choon Fatt*, refd).

(3) Severe sentence must also be warranted against drugs offenders to emphasise on the elements of denunciation, to show that the heavy sentence reflects "a symbolic, collective statement that the offender's conduct should be punished for encroaching on our society's basic code of values as enshrined within our substantive criminal law" (*Ryan v. The Queen*).

(4) The High Court Judge had erred in not taking into account and giving sufficient consideration to the fact that the life sentence provided for in s. 39A(2) of the DDA had been amended *via* Act A1302. Hence, the sentence against the respondents were not proportionate with the offences committed by them and did not reflect the policy of a more severe sentence intended by the Parliament by virtue of the amendment by Act A1302.

(5) There were aggravating factors which warranted a more severe sentence imposed against both respondents, *inter alia*, (i) the quantity or weight of the drugs and (ii) that there was no evidence to show that the dangerous drugs were for the respondents' personal consumption.

(6) The comparison of sentences imposed based on the weight of drugs which formed the subject matter of the charges showed that although the sentences were imposed before the amendment, there were no sentences which were less than ten years that had been imposed for cannabis weighing more than 1,000 grammes. In fact, the mitigation of both respondents, as a whole, focused on their personal interests. Therefore, the sentences imposed by the High Court against both respondents were not proportionate with their offences.

[Setting aside the sentence imposed by the High Court and substituting it with the sentence of 14 years' imprisonment from the date of arrest and ten strokes against the first respondent and sentence of 13 years' imprisonment from the date of arrest and ten strokes against the second respondent].

Kes-kes yang dirujuk:

Abdul Karim v. Regina; Sundra Singh v. Regina; Loh Kai Hoi v. Regina [1954] 1 LNS 3 HC ***(dirujuk)***

Adam Atan v. PP [2009] 1 CLJ 33 CA ***(dirujuk)***

Loh Hock Seng & Anor v. PP [1979] 1 LNS 48 FC ***(dirujuk)***

Mohd Abdullah Ang Swee Kang v. PP [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209 SC ***(dirujuk)***

New Tuck Shen v. PP [1982] CLJ 38B; [1982] CLJ (Rep) 606 HC ***(dirujuk)***

PP lwn. Au Hurairah Abu Samah & Satu Lagi [2010] 1 LNS 308 HC ***(dirujuk)***

PP lwn. Shariffah Syed Hashim [2006] 6 CLJ 503 HC ***(dirujuk)***

PP v. Loo Choon Fatt [1976] 1 LNS 102 HC ***(dirujuk)***

PP v. Muthu Subramaniam Seeniservai [2001] 7 CLJ 236 HC ***(dirujuk)***
PP v. Teh Ah Cheng [1976] 1 LNS 116 HC ***(dirujuk)***
PP v. Yeoh Eng Khuan [1975] 1 LNS 138 HC ***(dirujuk)***
R v. Ipeelee 2012 SCC 13, [2012] 1 SCR 433 ***(dirujuk)***
R v. Radich [1954] NZLR 86 ***(dirujuk)***
Ryan v. The Queen [2001] 206 CLR 267 ***(dirujuk)***
Vartzokas v. Zanker [1989] 51 SASR 227 ***(dirujuk)***
Yusmarin Samsudin v. PP [1999] 4 CLJ 391 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 6, 37(da), 39A(2), 39B(1)(a), (2)
Penal Code, s. 34

Bagi pihak perayu - Mangairkarasi Krishnan; TPR
Bagi pihak responden - Naran Singh; T/n Naran Singh & Co

[Nota Pengarang: Untuk kes Mahkamah Tinggi, sila lihat PP lwn. Abdul Halim Ishak & Satu Lagi [2012] 1 LNS 1132.]

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Mohd Zawawi Salleh HMR:

Latar Belakang

[1] Ini adalah rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi Taiping yang menjatuhkan hukuman penjara tujuh tahun dari tarikh tangkap dan sepuluh kali sebatan terhadap responden pertama dan hukuman penjara enam tahun dari tarikh tangkap dan sepuluh kali sebatan terhadap responden kedua bagi kesalahan di bawah s. 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 ("ADB 1952") yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta yang sama dan dibaca dengan s. 34 Kanun Keseksaan.

[2] Kami telah mendengar rayuan ini pada 30 Mei 2013. Kami mendapati rayuan ini mempunyai merit. Justeru, kami dengan sebulat suara telah membenarkan rayuan Pendakwa Raya dan mengenepikan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Mahkamah Tinggi dan menggantikannya dengan hukuman penjara 14 tahun dari tarikh tangkap dan sepuluh kali sebatan terhadap responden pertama dan hukuman penjara 13 tahun dari tarikh tangkap dan sepuluh kali sebatan terhadap responden kedua.

[3] Responden pertama dan responden kedua pada mulanya telah dituduh mengedar dadah berbahaya, iaitu cannabis seberat 11,120g, satu kesalahan di bawah s. 39B(1)(a) ADB 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39B(2) Akta yang sama. Kesalahan dikatakan dilakukan pada 20 Februari 2009. Responden pertama dan responden kedua minta dibicarakan. Walau bagaimanapun, selepas enam orang saksi pendakwaan memberi keterangan, Timbalan Pendakwa Raya terpelajar telah menawarkan kepada kedua-dua responden satu pertuduhan pilihan di bawah s. 6 ADB 1952 dan boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta yang sama.

[4] Selepas pertuduhan pilihan (eks. P33) dibaca dan diterangkan kepada kedua-dua responden dan faham akan rupa, jenis dan akibat pertuduhan tersebut, mereka telah mengaku bersalah tanpa apa-apa syarat. Pengakuan bersalah kedua-dua responden juga telah disahkan oleh peguambela-peguambela terpelajar yang mewakili mereka.

[5] Selepas mendengar rayuan peringanan hukuman oleh peguambela-peguambela terpelajar dan rayuan pemberatan hukuman oleh Timbalan Pendakwa Raya terpelajar, Mahkamah Tinggi menjatuhkan hukuman seperti yang dinyatakan sebelum ini.

Fakta Kes

[6] Fakta kes ialah seperti yang dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya terpelajar di Mahkamah Tinggi dan ditanda sebagai eks. P34. Ia dibaca seperti berikut di mana "T1" ialah responden pertama dan "T2" ialah responden kedua:

(i) Pada 20.2.2009, pada jam lebih kurang 9.00 malam, pengadu iaitu Kpl. Abd. Majid bin Daud, bersama sepasukan anggota polis telah mengadakan satu sekatan jalanraya di KM42.5, Jalan Kuala Kangsar - Gerik (Lenggong), Perak.

(ii) Seterusnya pada jam 10.45 malam, pengadu telah menahan sebuah kereta dengan nombor pendaftaran PAV 3643 yang datang dari arah Grik ke Kuala Kangsar. Kereta tersebut dinaiki oleh Abdul Halim bin Ishak (T1) dan Mohamad Omar bin Ali (T2). Pengadu kemudian telah meminta lesen memandu dari pemandu kereta iaitu T1. Manakala T2 dalam keadaan tidur di bahagian penumpang hadapan kereta tersebut. Selepas itu, pengadu mengarahkan T1 memandu ke tepi jalan.

(iii) Setelah kereta berhenti, pengadu telah meminta kad pengenalan T1 dan mengarahkannya keluar dari kereta dan enjin kereta dimatikan. Pengadu kemudian bertanya kepada T1 apa kandungan di dalam beg yang berada di bahagian tempat duduk belakang. T1 menyatakan kandungan beg tersebut adalah pakaian.

(iv) Pengadu kemudian telah membuka pintu belakang kereta dan terbau dadah berbahaya jenis ganja. Seterusnya pengadu telah menggari T1 dan T2.

(v) Selepas itu pengadu telah merampas kunci kereta dari T1 dan membuka boot kereta. Pengadu dapati sebuah beg berwarna hitam. Pengadu telah menjalankan pemeriksaan di dalam beg tersebut. Hasil pemeriksaan menunjukkan beg tersebut mengandungi 12 ketulan mampat daun-daun kering disyaki dadah berbahaya jenis ganja.

(vi) Seterusnya, pengadu telah menjalankan pemeriksaan badan ke atas T1 dan hasilnya tidak menjumpai apa-apa barang salah. Pengadu juga telah menjalankan pemeriksaan badan ke atas T2. Hasil pemeriksaan tersebut menjumpai satu beg pinggang kecil mengandungi satu straw berisi bahan disyaki dadah jenis methamphetamine atau dikenali sebagai syabu.

(vii) Pengadu kemudiannya telah merampas kesemua barang kes.

(viii) Ahli kimia iaitu Encik Khairul Anuar bin Abdul Aziz mengesahkan dadah berbahaya yang dirampas dari T1 dan T2 merupakan cannabis seberat 11,129 gram seperti yang dimaksudkan di dalam seksyen 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan methamphetamine seberat 0.09 gram seperti yang disenaraikan di dalam Jadual Pertama, Akta Dadah Berbahaya 1952.

(ix) Oleh itu, T1 dan T2 telah melakukan satu kesalahan memiliki dadah berbahaya jenis cannabis seberat 11,129 gram di bawah seksyen 6 Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39A(2) Akta yang sama dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan dan T2 melakukan satu kesalahan memiliki dadah berbahaya jenis methamphetamine seberat 0.09 gram di bawah seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 12(3) Akta yang sama.

[7] Rayuan Pendakwa Raya hanya terhadap hukuman yang dijatuhkan ke atas kedua-dua responden di bawah s. 39A(2) ADB 1952.

A **Rayuan**

[8] Alasan tunggal yang dikemukakan oleh Timbalan Pendakwa Raya terpelajar bagi mencabar hukuman yang dijatuhkan terhadap kedua-dua responden ialah bahawa yang arif Hakim Mahkamah
B Tinggi telah khilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal untuk mengambil kira bahawa hukuman seumur hidup yang disebut dalam s. 39A(2) ADB 1952 telah dipinda melalui Akta Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007 (Akta A1302), yang mula berkuatkuasa pada 7 September 2007, dari 20 tahun kepada 30 tahun. Justeru,
C dihujahkan bahawa hukuman yang dijatuhkan oleh yang arif hakim tidak mencerminkan hasrat Parlimen untuk mengenakan hukuman yang lebih berat terhadap kesalahan memiliki dadah berbahaya yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2) ADB 1952. Timbalan Pendakwa Raya terpelajar menggesa mahkamah ini supaya
D hukuman lebih berat dijatuhkan terhadap kedua-dua responden.

[9] Bagi menyokong hujahan beliau, rujukan dibuat kepada kes *PP v. Loo Choon Fatt* [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 256, apabila Hashim Yeop Sani H (sebagaimana beliau ketika itu)
E berkata di ms. 257 (MLJ):

> It is common sense to say that behind these legislative exercises was the government's realisation *albeit* gradual, of the problem of drug abuse in this country, the degenerating effect of the misuse of dangerous drugs and the attendant dangers it has posed to
F society itself. The amendments passed by Parliament therefore reflect the public policy. It must be presumed that behind the public policy is the consideration of public interest.
>
> The change in the attitude of the legislature itself during the last three years reflects the seriousness of the problem. In my view
G the courts will not be performing their functions honestly if the seriousness of the situation is not reflected in the sentence imposed or if the sentence appears to defeat the object of the statute. This is not saying that the courts in the treatment of drug offences should at all times be severe. Each case has to be determined on its own merits. But in every case the courts must
H be realistic and rational.

[10] Sebaliknya, peguambela terpelajar responden pertama dan responden kedua berhujah bahawa yang arif hakim telah mengambil kira dan mempertimbangkan kesemua faktor yang relevan sebelum
I melaksanakan budi bicara beliau untuk menjatuhkan hukuman yang setimpal dan wajar terhadap kedua-dua responden. Mahkamah

Rayuan tidak sepatutnya mengganggu hukuman yang telah dibuat oleh hakim bicara melainkan pihak pendakwaan dapat menunjukkan bahawa hukuman tersebut adalah terlampau ringan (lihat *New Tuck Shen v. PP* [1982] CLJ 38B; [1982] CLJ (Rep) 606; [1982] 1 MLJ 27). Dihujahkan pihak pendakwaan telah gagal untuk berbuat demikian.

[11] Peguambela terpelajar seterusnya berhujah bahawa kedua-dua responden tidak wajar dijadikan "kambing hitam" ("scapegoat") untuk dikenakan hukuman yang lebih berat semata-mata kerana meningkat dan berleluasanya kes-kes berkaitan dengan dadah di Malaysia. Setiap kes hendaklah dilihat dengan meritnya yang tersendiri (lihat *Abdul Karim v. Regina; Sundra Singh v. Regina; Loh Kai Hoi v. Regina* [1954] 1 LNS 3; *PP v. Muthu Subramaniam Seeniservai* [2001] 7 CLJ 236).

[12] Peguambela terpelajar menarik perhatian mahkamah ini kepada fakta bahawa kedua-dua responden telah mengaku bersalah apabila pertuduhan pilihan dikemukakan. Pengakuan bersalah tersebut telah banyak menjimatkan masa semua pihak. Oleh itu, faedah diskaun hukuman perlu diberikan kepada kedua-dua responden (lihat *PP lwn. Shariffah Syed Hashim* [2006] 6 CLJ 503; *Mohd Abdullah Ang Swee Kang v. PP* [1987] 2 CLJ 405; [1987] CLJ (Rep) 209; [1998] 1 MLJ 167). Tambahan pula, tujuan penghukuman bukanlah pencegahan semata-mata tetapi termasuk juga pemulihan ("rehabilitation"). "[R]ehabilitation has as its purpose the remodelling of a person's thinking and behaviour so that they will, notwithstanding their past offending, re-establish themselves in the community with a conscious determination to renounce their wrongdoing and establish or re-establish themselves as an honourable law abiding citizen". (Lihat *Vartzokas v. Zanker* [1989] 51 SASR 227). Pemulihan juga adalah sejajar dengan kepentingan awam.

Keputusan Mahkamah Ini

[13] Sebagai suatu proposi undang-undang umum, kami ingin menyatakan bahawa sesuatu hukuman yang dijatuhkan hendaklah setimpal ("proportionate") dengan keseriusan kesalahan yang dilakukan dan tahap ("degree") kebertanggungjawaban pesalah atau pesalah-pesalah. Konsep kesetimpalan ("proportionality") ini, antara

A lain, telah dijelaskan oleh Mahkamah Agung Kanada dalam kes *R v. Ipeelee* 2012 SCC 13, [2012] 1 SCR 433, apabila Le Bel J berkata di perenggan 37 seperti berikut:

> Proportionality is the *sine qua non* of a just sanction. First, the principle ensures that a sentence reflects the gravity of the offence. This is closely tied to the objective of denunciation. It promotes justice for victims and ensures public confidence in the justice system. ... Second, the principle of proportionality ensures that a sentence does not exceed what is appropriate, given the moral blameworthiness of the offender. In this sense, the principle serves a limiting or restraining function and ensures justice for the offender. In the Canadian criminal justice system, a just sanction is one that reflects both perspectives on proportionality and does not elevate one at the expense of the other.

[14] Berkait rapat dengan konsep "kesetimpalan hukuman" ialah bahawa dalam menjatuhkan hukuman yang sesuai terhadap pesalah atau pesalah-pesalah, mahkamah hendaklah memberi pertimbangan yang saksama kepada faktor-faktor pemberatan ("aggravating factors") dan faktor-faktor peringanan ("mitigating factors"). Suatu imbangan yang adil perlu dibuat antara faktor-faktor tersebut.

[15] Secara khusus mengenai kes-kes milikan dadah berbahaya, antara faktor-faktor yang relevan ialah seperti berikut:

Faktor-Faktor Pemberatan

(a) Keseriusan kesalahan yang dilakukan;

(b) Rekod jenayah pesalah, iaitu sama ada kesalahan yang dilakukan itu ialah kesalahan pertama atau berulang;

(c) Berleluasanya kes-kes berkaitan dadah di Malaysia;

(d) Kuantiti dan nilai pasaran dadah berbahaya yang dijumpai di dalam milikan pesalah;

(e) Polisi hukuman yang diterjemahkan oleh Parlimen dalam undang-undang yang berkaitan; dan

(f) Kepentingan awam.

Faktor-Faktor Peringanan

(a) Sama ada pesalah telah mengaku bersalah apabila peluang terawal telah diberikan kepadanya;

(b) Sama ada pesalah adalah merupakan pesalah pertama;

(c) Sama ada pesalah telah memberi kerjasama kepada pihak penguatkuasaan; dan

(d) Terdapat sebab-sebab istimewa yang mewajarkan hukuman diringankan.

[16] Pendekatan ini bukanlah merupakan sesuatu yang baru. Perkara yang sama telah dinyatakan oleh Siti Norma Yaakob HMR (sebagaimana beliau ketika itu) dalam kes *Yusmarin Samsudin v. PP* [1999] 4 CLJ 391 seperti berikut:

> The principles of sentencing have long been entrenched and well settled in our criminal law jurisprudence and a court seized with such jurisdiction is empowered to take into account the following considerations:
>
> (1) the extent and seriousness of the offence committed;
>
> (2) the guilty person's antecedents; and
>
> (3) the public interest.

[17] Melihat dengan teliti keputusan-keputusan mahkamah-mahkamah Malaysia berhubung dengan hukuman yang dijatuhkan terhadap pesalah-pesalah yang berkaitan dengan dadah berbahaya, aliran sama ("common thread") yang ketara dalam kes-kes tersebut ialah bahawa hukuman yang membawa kesan pencegahan perlu dijatuhkan dan kepentingan awam perlu diutamakan. Mahkamah Rayuan dalam kes *Adam Atan v. PP* [2009] 1 CLJ 33, telah sekali lagi menegaskan prinsip ini melalui Gopal Sri Ram HMR (sebagaimana beliau ketika itu), apabila beliau berkata di ms. 36:

> [7] There is no gain say that drug offenders are a menace to society. They are nothing less than serpents on the front lawn of justice and should be dealt with accordingly. Everyday we read in the newspapers about the efforts of the law enforcement agencies in seizing large quantities of dangerous drugs and of the deleterious nature of these drugs which is visited upon members of our society, in particular our youth. The courts will be failing in their duty if they do not take a serious view towards the offences of this nature. The sentence imposed must not only be commensurate with the offence in this case but must also stop would be offenders dead in their tracks from committing it.

[18] Kesan buruk gejala dadah kepada negara dan orang awam telah diambil perhatian serius oleh hakim-hakim terbilang Malaysia semenjak tahun 1970-an lagi. Dalam kes-kes *Loh Hock Seng & Anor v. PP* [1979] 1 LNS 48; [1980] 2 MLJ 13 dan *PP v. Loo Choo Fatt* [1976] 1 LNS 102; [1976] 2 MLJ 256, misalnya, penekanan diberikan bahawa hukuman yang mempunyai kesan pencegahan perlu dijatuhkan terhadap pesalah-pesalah dadah. Ini adalah sejajar dengan hasrat Kerajaan dan Parlimen yang telah mengambil pelbagai langkah serius untuk mencegah dan mengawal ancaman pengedaran dan penggunaan dadah serta jenayah-jenayah yang berkaitan dengannya. Oleh itu, mahkamah perlu memainkan peranannya dengan menjatuhkan hukuman yang berat dan mencegah seperti yang ditetapkan oleh Akta.

[19] Pada pandangan mahkamah ini, hukuman berat juga perlu dijatuhkan terhadap pesalah-pesalah dadah bagi menekankan elemen kutukan atau kecaman ("denunciation"). Elemen kutukan boleh dijelaskan seperti berikut:

> 3.9 Denunciation, in the context of sentencing, is achieved by the imposition of a sentence the severity of which makes a statement that the offence in question is not to be tolerated by society either in general or in a specific instance. The statement made may be directed at any combination of the public at large, victims, potential offenders and individual offenders. In part its aims are similar to that of deterrence. It has also been seen to be associated with retribution. (Lihat *Law Reform Commission New South Wales*, *supra*).

[20] Dalam konteks penghukuman terhadap pesalah-pesalah dadah, pada pandangan mahkamah ini, justifikasi bagi prinsip "denunciation" dijadikan salah satu tujuan penghukuman ialah untuk menunjukkan bahawa hukuman berat yang dijatuhkan itu adalah mencerminkan "a symbolic, collective statement that the offender's conduct should be punished for encroaching on our society's basic code of values as enshrined within our substantive criminal law" (lihat *Ryan v. The Queen* [2001] 206 CLR 267, di ms. 118). Pada pandangan mahkamah, elemen kutukan perlu diberi penekanan kerana perbuatan pesalah atau pesalah-pesalah tersebut telah menjejaskan kesejahteraan masyarakat yang merupakan nilai-nilai murni untuk semua ahli masyarakat. Mereka telah disifatkan oleh hakim-hakim terbilang Malaysia sebagai "engineers of evil and pedlars of death" (per Raja Azlan Shah, CJ Malaya (sebagaimana Baginda ketika itu) dalam kes *Loh Hock Seng & Anor v. PP* (*supra*) dan "a scourge to society" (per Abdool Cader J (sebagaimana

beliau ketika itu) dalam kes *PP v. Yeoh Eng Khuan* [1975] 1 LNS 138; [1976] 1 MLJ 258). Kerajaan pula menganggap mereka sebagai "peniaga maut najis dadah". A

[21] Tidak dapat dipertikaikan bahawa kesalahan yang berkaitan dengan dadah adalah merupakan satu kesalahan yang serius yang boleh mengancam keselamatan dan ketenteraman negara serta kesihatan umum. Dadah telah diisytiharkan sebagai musuh nombor satu negara oleh kerajaan pada tahun 1983. Justeru, jika mahkamah menjatuhkan hukuman yang ringan kepada satu kesalahan yang ditetapkan melalui Parlimen sebagai serius, sudah tentu perlindungan sewajarnya tidak dapat diberikan kepada orang ramai. Dalam kes *Yusmarin Samsudin v. PP* (*supra*) mahkamah menegaskan: B C

> The severity of sentence can only be to reflect Parliament's intention that conviction for being in possession of a large amount of any form of prohibited drugs must commensurate with the sentence to be passed on the peculiar facts of each case. D

[22] Berbalik kepada kes di hadapan mahkamah, kami bersetuju dengan hujahan Timbalan Pendakwa Raya terpelajar bahawa Hakim Mahkamah Tinggi telah terkhilaf apabila tidak mengambil kira dan memberi perhatian secukupnya kepada fakta bahawa hukuman seumur hidup yang disebut dalam s. 39A(2) ADB 1952 telah dipinda melalui Akta Keadilan Jenayah (Pindaan) 2007 (Akta A1302), yang mula berkuatkuasa pada 7 September 2007, dari 20 tahun kepada 30 tahun. Justeru, hukuman penjara tujuh tahun dari tarikh tangkap dan sepuluh kali sebatan terhadap responden pertama dan hukuman penjara enam tahun dari tarikh tangkap dan sepuluh kali sebatan terhadap responden kedua, dalam apa jua keadaan pun, adalah tidak setimpal dengan kesalahan yang mereka lakukan dan tidak mencerminkan polisi hukuman yang lebih berat seperti yang dihasratkan oleh Parlimen melalui pindaan yang dibuat melalui Akta A1302 tersebut. E F G

[23] Di dalam kes ini, terdapat faktor-faktor pemberatan yang mewajarkan hukuman yang lebih berat dikenakan terhadap kedua-dua responden. Kuantiti atau berat dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan ialah cannabis seberat 11,129g, suatu amaun yang jauh melebihi amaun yang ditetapkan bagi menimbulkan anggapan statutori pengedaran di bawah s. 37(da) ADB 1952. Tidak ada keterangan yang menunjukkan bahawa dadah berbahaya tersebut sebenarnya untuk kegunaan peribadi ("personal consumption") kedua-dua responden. H I

[24] "Trend" penghukuman yang dijatuhkan oleh mahkamah-mahkamah Malaysia sebelum s. 39A(2) ADB 1952 dipinda telah dinyatakan dalam kes *PP lwn. Au Hurairah Abu Samah & Satu Lagi* [2010] 1 LNS 308. Mahkamah telah membuat perbandingan hukuman yang dikenakan berdasarkan berat dadah yang menjadi hal perkara pertuduhan. Perbandingan hukuman bagi kesalahan di bawah s. 6 ADB 1952 yang boleh dihukum di bawah s. 39A(2) Akta yang sama ialah seperti berikut:

Bil.	Nama Kes	Berat Cannabis	Perbandingan Berat Minima Dibawah Seksyen 37(da) ADB 1952	Hukuman
1.	*Mohd Shapi Mohd Yatim v. PP* [2009] 1 LNS 1369	237g	4.74 kali	8 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 10 kali sebatan rotan.
2.	*Mad Saad Abdul Latib v. PP* [2009] 1 LNS 1372	1875.5g	37.51 kali	10 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 10 kali sebatan rotan.
3.	*Mohd Khairudin Idris v. PP* [2009] 1 LNS 1374	92.96g	1.8592 kali	5 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 10 kali sebatan rotan.
4.	*Kamaruzaman Din Mohamad v. PP* [2009] 1 LNS 1432	106.03g	2.1206 kali	8 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 10 kali sebatan rotan.
5.	*PP v. Aiyadz Ishak Ya'cob* [2009] 1 LNS 210	1,635.2g	32.704 kali	15 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 11 kali sebatan rotan.
6.	*PP v. Mohd Faisal Ali Rahmat* [2009] 1 LNS 22	466g	9.32 kali	6 tahun 6 bulan penjara dari tarikh tangkap dan 10 kali sebatan rotan.

7.	*PP v. Zulkarnain Sani* [2007] 1 LNS 95	353.1g	7.062 kali	9 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 10 kali sebatan rotan.
8.	*PP v. Razali Johari* [2002] 8 CLJ 861	738.31g	14.7662 kali	12 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 10 kali sebatan rotan.
9.	*PP v. Chong Chee Kin & Anor* [1995] 1 LNS 301; [1995] 2 MLJ 679	644g	12.88 kali	12 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 12 kali sebatan rotan.
10.	*PP v. Mohd Fuad bin Othman* [2000] 1 LNS 190; [2001] 5 MLJ 549	1,143g	22.86 kali	14 tahun penjara dari tarikh tangkap dan 10 kali sebatan rotan

[25] Adalah jelas berdasarkan perbandingan hukuman yang ditunjukkan di atas bahawa walaupun hukuman yang dijatuhkan di dalam kes-kes di atas adalah sebelum pindaan dibuat oleh Akta A1302, namun tidak ada hukuman dijatuhkan oleh mahkamah-mahkamah Malaysia kurang dari sepuluh tahun bagi berat cannabis yang melebihi 1,000g.

[26] Mitigasi yang dibuat bagi pihak kedua-dua responden tertuduh pada keseluruhannya adalah tertumpu kepada kepentingan peribadi mereka semata-mata. Mahkamah perlu membuat perimbangan antara kepentingan awam dengan kepentingan peribadi kedua-dua responden. Seperti yang diperjelaskan dalam kes *PP v. Loo Choon Fatt* (*supra*):

> Presidents and Magistrates are often inclined quite naturally to be over-sympathetic to the accused. This is a normal psychological reaction to the situation in which the lonely accused as seen as facing an array of witnesses with authority. The mitigation submitted by a convicted person will also normally bring up problems of family hardship and other usual problems of living.

A In such a situation the courts might perhaps find it difficult to decide as to what sentence should be imposed so that the convicted person may not be further burdened with additional hardship. This in my view is a wrong approach. The correct approach is to strike a balance, as far as possible, between the
B interests of the public and the interests of the accused. Lord Goddard LCJ in *Rex v. Gronkowski* offered some good advice when he said:

> The judge must consider the interests of justice as well as the interests of the prisoners. It is too often, nowadays,
C thought, or seems to be thought, that the interests of justice means only the interests of the prisoners.

[27] Dalam kes *PP v. Teh Ah Cheng* [1976] 1 LNS 116; [1976] 2 MLJ 186, Eusoffe Abdool Cader H (sebagaimana beliau ketika itu) telah memberi pandangan yang sama di ms. 187 (MLJ):

D

> The respondent also puts forward in his plea in mitigation the fact that he is employed and supports an aged mother and step-brothers. He should of course have thought of this before committing the offence and not after; he is in fact pleading
E hardship arising from the consequences of his own acts and I would reiterate what I had occasion previously to observe in another case that an offender should not expect to excite or harness any sympathy on an *ipse dixit* by taking the stance of the impetuous youth who killed his parents with an axe and then pleaded in mitigation that he was an orphan.

F

[28] Berdasarkan kepada alasan-alasan di atas, kami tidak teragak-agak untuk memutuskan bahawa hukuman yang telah dijatuhkan oleh Hakim Mahkamah Tinggi terhadap kedua-dua responden adalah tidak setimpal dengan kesalahan yang mereka lakukan,
G terutama apabila diambil kira bahawa Parlimen telah meminda sebutan penjara seumur hidup dalam s. 39A(2) ADB 1952, dari 20 tahun kepada 30 tahun. Justeru, kami telah meminda hukuman terhadap kedua-dua responden seperti yang dinyatakan sebelum ini.

H **[29]** Kami percaya dan yakin bahawa hukuman yang ditambah itu akan memberi isyarat yang jelas kepada mereka yang mempunyai cita-cita untuk terlibat dengan kesalahan pemilikan dadah pada masa hadapan bahawa mahkamah tidak akan bertolak ansur

I

terhadap kesalahan serius tersebut dan hukuman setimpal akan dijatuhkan. Seperti yang dikatakan oleh Fair J dalam kes *R v. Radich* [1954] NZLR 86, di ms. 87:

> One of the main purposes of punishment is to protect the public from the commission of such crimes by making it clear to the offender and to other persons with similar impulses that, if they yield to them, they will meet with severe punishment.